

23 JUL 2000

Osu-PPRT

BEBERAPA LADANG PPRT AKAN DIWUJUDKAN DI SABAH

TAWAU, 23 Julai (Bernama) -- Kerajaan negeri akan mewujudkan beberapa ladang Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di negeri ini, kata Ketua Menteri Datuk Osu Sukam.

Ladang-ladang PPRT itu akan diwujudkan di daerah Nabawan, Pitas, Sugut dan Kunak, katanya pada majlis pelancaran ladang PPRT Kalabakan, kira-kira 160 km dari sini hari ini.

Program pembangunan ladang PPRT itu merupakan program pembasmian kemiskinan yang diusahakan oleh kerajaan negeri melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Keusahawanan negeri, kata beliau.

Ladang PPRT Kalabakan meliputi 6,070 hektar dianggap boleh menampung kawasan Ketua Isi Rumah Termiskin (KIRT) di Tawau dan Semporna, kata Osu.

Osu berkata pelaksanaan PPRT dibuat secara usahasama antara kerajaan negeri dan syarikat milik kerajaan iaitu Sawit Kinabalu Bhd melalui anak syarikatnya Borneo Samudera Sdn Bhd.

Ladang PPRT Kalabakan merupakan ladang kedua seumpama itu di negeri ini. Ladang pertama iaitu ladang PPRT Bagahak, Lahad Datu seluas 3,000 hektar telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tahun lepas.

Terdahulu Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Keusahawanan negeri Datuk Nasir Tun Sakaran berkata pelbagai jenis bantuan telah diberikan kepada golongan miskin di negeri ini seperti subsidi dan pelaksanaan bagi meningkatkan taraf ekonomi mereka.

Beliau berkata pendapatan garis kemiskinan negeri ketika ini ialah RM633 sebulan manakala mereka yang berpendapatan separuh daripada jumlah itu tersenarai sebagai golongan termiskin.

Katanya, Sabah menduduki tangga ketiga selepas Terengganu dan Kelantan daripada segi nisbah kemiskinan.

-- BERNAMA

IL FAZ